

**Rakyat Sabah Diingatkan Tidak Terikut-Ikut Budaya Yang Memudaratkan Perpaduan**  
**Bernama**  
**10 Mei, 2012**

TUARAN, 10 Mei (Bernama) -- Rakyat Sabah diingatkan supaya tidak terikut-ikut dengan budaya yang boleh memudaratkan keamanan dan perpaduan yang dinikmati sekarang.

Ketika membuat seruan itu, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Datuk Hajiji Noor berkata sebaliknya rakyat negeri ini perlu mengekalkan perpaduan sedia ada dan mengelak perpecahan sesama sendiri.

"Tidak perlulah kita memberi perhatian sangat kepada propaganda pihak pembangkang yang tujuan mereka hanya untuk memecah belah perpaduan dan keharmonian rakyat.

"Ini terbukti dengan perhimpunan Bersih di Kuala Lumpur baru-baru ini di mana pada mulanya mereka menyatakan perhimpunan itu perhimpunan aman tetapi telah menjadi ganas kerana sebenarnya agenda mereka adalah untuk menguru-harakan negara terutama di mata dunia," katanya.

Hajiji berkata demikian ketika merasmikan serentak Pesta Kaamatan peringkat daerah Tuaran dan bangunan Dewan Sri Sulaman yang baharu, di sini pada Khamis.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665227>